

Kejayaan luar dugaan srikandi negara

BERITA HARIAN, 13 August 2002, Page 14

Article also available on Microfilm Reel NL24707

Printer-Friendly Page

Kejayaan luar dugaan srikandi negara

Saiedah iringi empat 'pendekar' negara ke pusingan akhir

KEJOHANAN PENCAK SILAT ASIA-PASIFIK

OLEH MOHD SANI ALI

SINGAPURA menaruh harapan ke atas kekuatan empat pendekar dan seorang srikandi bagi merebut pingat emas dalam pusingan akhir acara olahraga Kejohanan Pencak Silat Asia-Pasifik yang memasuki kemuncaknya hari ini.

Ini menyusuli kejayaan dua bersaudara — Zulfakar dan Noor Rafili Mohd Ramli — bersama Mohd Yusoff Shah Kamarudin, Imran Abdul Rahman dan Saiedah Said melangkah ke pertandingan akhir yang akan berlangsung di Pusat Kecemerlangan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) di Bedok mulai 4 petang ini.

Kejayaan empat pesilat negara itu melangkah ke pertandingan akhir memang dijangka, tetapi kejayaan Saiedah mengatasi juara Kejohanan Silat Terbuka Malaysia, Jurida Hussein, dengan keputusan 5-0 adalah di luar dugaan.

Berusia 17 tahun, Saiedah, pelajar Sekolah Menengah Siglap yang turun dalam Kelas A, berkata: "Sokongan padu rakan-rakan dan para penyokong membuat saya lebih bersemangat. Saya hanya berusaha yang terbaik."

Rata-rata para pesilat negara menyifatkan kejohanan ini lebih mencabar berbanding Kejohanan Terbuka Belgium yang disertai mereka pada April lalu.

"Para pesilat Eropah lebih fizikal jika dibandingkan dengan pesilat Asia Tenggara, tetapi para pesilat rantau ini memiliki teknik berlawan yang lebih baik," demikian pengakuan Yusoff yang turut sependapat dengan rakannya, Zulfakar.

"Saya kira penyertaan di Eropah turut mempertingkatkan keyakinan kami, secara peribadi saya berasa lebih fokus bagi menghadapi pertarungan kali ini," tambah Yusoff.

Yusoff, pemenang perak di pertandingan di Belgium itu, mengatasi lawannya, Md Nizam Idris, dari Brunei, dalam Kelas F melalui teknikal *knock-out* dalam pusingan pertama.

Menurut pengarah teknikal Persisi, Sheik Alauddin Yacoob, keputusan itu diambil se-

lepas pesilat lawan gagal memberi saingan.

Jurulatih Ramli Awi, yang turut membantu persiapan pasukan Singapura, juga akur kejohanan Asia-Pasifik ini cukup mencabar kerana ia berlangsung di gelanggang sendiri.

"Bertanding di tempat sendiri bukan sahaja menerima sokongan padu, pada masa yang sama ia turut meletakkan harapan tinggi para peminat silat setempat ke atas bahu para pesilat kami," kata Ramli.

Di gelanggang pertarungan, para pesilat akur perlawanan selama tiga minit bagi setiap pusingan seakan suatu perjuangan 'maraton' yang menyeksakan.


Justeru itu, apabila Zulfakar terkoyak bibirnya, kecederaan sama dialami lawannya dari Thailand.

Namun, Zulfakar tidak membiarkan kecederaannya itu menjejaskannya untuk memenangi pertarungan Kelas C itu 5-0.

Rafili mengatasi lawannya, Abdullah Mahlee dari Thailand dalam kelas E dengan 4-1 manakala Imran mengatasi Azhar Ahmad dari Malaysia 4-1 dalam kelas G.

"Bertanding di tempat sendiri bukan sahaja menerima sokongan padu, pada masa yang sama ia turut meletakkan harapan tinggi para peminat silat setempat ke atas bahu para pesilat kami."

— Jurulatih nasional, Ramli Awi.



Tepat ke sasaran: Tendangan pesilat negara, Mohd Yusoff Shah Kamarudin (*kanan*), gagal dielak oleh pesilatnya dari Brunei, Md Nizam Idris.

FOTO: JOHARI RAHMAT